

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## PEMBINAAN UMMAH MELALUI MASJID

Oleh:

Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka  
Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned

### 1. Mukaddimah

يا غياث المستغيثين، بأسباب وبغير أسباب، أحمدك لأنك أكرم  
الأكرمين، وأرجو رحمتك إذ أنت الحليم التواب. صل اللهم على  
سيدنا محمد النبي الرحمة، وعلى اله وصحبه ومن تبعه ووالاه،  
أما بعد.

Kalau sekali baca sahaja, atau sekali sebut, ungkapan “Pembinaan Ummah Melalui Masjid” ini, mungkin sahaja agak aneh bunyinya. Saya adalah menyedari hal ini. Kerana itu ada diantara perkataan, seperti perkataan ‘Pembinaan’ itu perlu dihuraikan dahulu.

“Pembinaan” adalah dari kata ‘bina’.

**Membina** 1. membuat sehingga terdirinya sesuatu itu (seperti rumah, bangunan, jalan raya dan lain-lain), membangun, mendirikan: kerajaan *membina* rumah murah untuk golongan berpendapatan rendah;

2. mengusahakan supaya lebih maju, membangunkan: membina negara, atau insan.<sup>1</sup>

Jadi bila perbuatan ‘membina’ dihubungkan dengan ‘ummah’ bermakna ia merujuk kepada bangun, tegak serta berdiri istiqamah dengan segala kesedaran dan kewaspadaan.

Inilah yang saya maksudkan dengan pembinaan ummah itu, iaitu bertolak dari masjid – dengan sedar – untuk mencapai kegemilangan dan keperkasaan: Kegemilangan yang tidak hanya ketika di dunia, malahan juga lebih utama – ketika di akhirat. Sementara keperkasaan pula berpunca dari iman dan takwa. Umat yang beriman dan bertakwa adalah umat yang perkasa. Mereka tidak boleh digugat dengan apapun. Sesungguhnya iman dan takwa itu, bertunjang di masjid.

## 2. Dua Institusi

Ditingalkan dulu sebentar mengenai masjid. Tetapi bagaimanapun, ia masih sahaja berkaitan dengan pembinaan ummah.

Sebenarnya, selain pembinaan ummah melalui masjid, ia juga bermula daripada institusi keluarga. Artinya, pembinaan ummah itu ialah melalui dua institusi ini: Keluarga dan masjid. Firman Allah Ta’ala:

---

<sup>1</sup> Lihat Kamus Dewan, Edisi Ketiga, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1996, m.s. 160.

يٰٓآدَمُ اسْكُنْ اَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ. (البقرة : 35)

Tafsirnya: *'Wahai Adam, tinggallah engkau dan isterimu di dalam syurga.'*

Allah Subhanahu Wata'ala telah merujuk Hawwa dengan lafaz “ زوجة ” (isteri), kerana Islam, selaku ugama langit, adalah tidak mengiktiraf sama sekali hubungan diantara lelaki dan perempuan asing itu kecuali melalui hubungan perkahwinan. Ugama Islam telah melarang adanya hubungan diantara lelaki dan perempuan, apapun bentuknya, sebelum akad nikah. Banyak ayat al-Qur'an yang menyebut tentang pengharaman hubungan yang sedemikian itu.

Firman Allah:

وَلَا تُتَّخِذِيْ اَخْدَانٍ. (المائدة: 5)

Tafsirny: *“Dan bukan kamu mengambil mereka menjadi perempuan-perempuan simpanan.”*

Kepada perempuan jua Allah berfirman:

وَلَا تُتَّخِذَاتِ اَخْدَانٍ. (النساء: 25)

Tafsirnya: “Dan bukan juga perempuan-perempuan mengambil lelaki sebagai teman simpanan.”

Disamping itu Allah juga menyebut perempuan-perempuan yang baik-baik untuk dijadikan isteri, firman-Nya:

مُحْصَنَاتٍ غَيْرِ مُسَافِحَاتٍ وَلَا مَتَّخِذَاتِ أَخْدَانٍ.

(النساء: 25)

Tafsirnya: “Mereka (perempuan-perempuan yang akan dijadikan isteri hendaklah) yang bersopan, bukan perempuan-perempuan lacur dan bukan pula yang mengambil lelaki sebagai teman simpanan.”

Ini konsep keluarga dalam Islam. Pembinaan ummah adalah bermula daripada sini: Daripada keluarga yang terbentuk dengan pernikahan.

Sebab itu, urusan membentuk keluarga bukanlah urusan kecil atau mudah, tetapi urusan paling menentukan bagi sejarah sesuatu bangsa atau ummah itu.

Sebab itulah juga, kepada orang-orang Islam Nabi Shallallahu ‘Alaihi Wasallam telah menekankan garis panduan penting bagaimana memilih jodoh. Timbangan untuk itu adalah betul-betul berat ke ugama, yakni calon isteri dituding tepat ke ugama. Sabda baginda:

فاظفر بذات الدين تربت يداك.<sup>2</sup>

“... Oleh itu carilah wanita yang benar-benar beragama, engkau pasti beruntung.”

Lafaz (اظفر) menunjukkan memang sukar untuk mendapatkan perempuan beragama itu. Kerana itulah jika telah dapat, maka peliharalah ia baik-baik. Inilah aset yang sebenar-benarnya.

Bagaimanakah cara mendapatkannya?

Bukanlah ia disekat di tepi-tepi jalan, atau didapat melalui pergaulan-pergaulan bebas, bukan! Tetapi lihat keadaan asal-usulnya, keluarganya, adakah ia dari kalangan keluarga yang memelihara hak-hak Allah? Tidakkah Nabi Shallallahu ‘Alaihi Wasallam berpesan:

تخيروا لنطفكم فإن العرق دساس.<sup>3</sup>

Maksudnya: “Kamu pilihlah (perempuan yang terbaik) untuk air mani kamu (keturunan kamu), kerana akhlak ibu bapa turun kepada anak.”

Begitu juga Allah sendiri telah memberi isyarat melalui firman-Nya:

---

<sup>2</sup> . Lihat Hadis al-Bukhari, Muslim dan lain-lain.

<sup>3</sup> . Lihat al-Mughni fee Haml al-Asfar oleh al-Iraqi.

وَالْبَلَدُ الطَّيِّبُ يَخْرُجُ نَبَاتُهُ بِإِذْنِ رَبِّهِ وَالَّذِي خَبُثَ  
لَا يَخْرُجُ إِلَّا نَكِدًا. (الأعراف: 58)

Tafsirnya: “Dan negeri yang baik (tanahnya) itu, tanam-tanaman tumbuh (subur) dengan izin Allah, dan negeri yang tidak baik (tanahnya) tidak akan tumbuh tanam-tanaman melainkan dengan keadaan bantut.”

Wajib bagi pemuda Islam memilih isteri – perempuan salihah, sebagaimana juga wajib bagi wali memilihkan perempuan mereka suami – lelaki yang salih. Bersabda Nabi Shallallahu ‘Alaihi Wasallam:

إذا اتاكم من ترضون دينه وخلقه فزوجوه إن لا تفعلوا تكن  
فتنة في الأرض وفسادا كبيرا.

Maksudnya: “Jika datang kepada kamu siapa yang kamu redha ugamanya dan akhlaknya, maka kahwinkanlah dia (terima jadi menantu). Sekiranya kamu tidak melakukannya nescaya akan berlakulah fitnah di bumi dan kerosakan besar.”

Inilah asas yang kukuh pembinaan ummah iaitu suami salih dan isteri salihah.

Cuba kita perhatikan percakapan dua beranak ini, sahabat Sa’id bin al-Musaiyab radhiallahu ‘anh dan anak perempuannya, Rabab:

“Wahai Rabab, apakah yang engkau buat?”

Menjawab Rabab: “*Saya membaca Kitabullah (al-Qur’an), wahai ayah.*”

“*Adakah engkau memahaminya?*” tanya Sa’id.

“*Semua sekali saya faham, kecuali satu ayat saya terhenti, iaitu firman Allah Ta’ala:*

ربنا اتنا في الدنيا حسنة وفي الآخرة حسنة وقنا عذاب النار.  
(البقرة: 201)

*Saya memahami makna حسنة في الآخرة (kebajikan di akhirat) iaitu syurga, tetapi apa dia حسنة في الدنيا (kebajikan di dunia), inilah yang saya belum mengetahuinya.”*

Berkata Sa’id: “*Wahai Rabab, adapun حسنة في الدنيا (kebajikan di dunia) itu ialah isteri yang salihah bagi suami yang salih.*”<sup>4</sup>

### 3. **Bila Asas Tidak Kukuh**

Inilah asas yang kukuh itu: Isteri salihah bagi suami yang salih.

Selain itu, ia tidaklah kukuh. Dan apabila asas tidak kukuh, apakah yang akan jadi?

---

<sup>4</sup> Fadhilah asy-Syeikh ‘Abdul Hamid Kasyk, al-Khutab al-Minbaryyah.

Lihat kepada bangunan, walaupun bahan-bahannya terdiri daripada material yang baik-baik belaka – berkualiti, namun jika asas tidak kukuh, bangunan itu kurang selamat, bila-bila sahaja mungkin rubuh – *collapse*.

Baru-baru ini saya terbaca akhbar yang memetik kandungan dua buah buku: *Family structure of the Singapore Malays: report to the Colonial Social Science Research Council, London: Colonial Office (1953)* dan *Malay Kinship and marriage in Singapore, London: Athlone Press (1965)*. Maksud kandungan itu berbunyi: Seawal 1930an, apabila perangkaan penduduk diperolehi, kadar perceraian Melayu ialah : Satu dalam setiap DUA perkahwinan.<sup>5</sup>

Ertinya, dari Dua perkahwinan, SATU sahaja yang selamat, sementara satu lagi – runtuh : 50/50.

Saya belum dapat lagi statistik begini di Brunei. Saya setakat ini baru dapat statistik perkahwinan dan perceraian berdasarkan umur. Umur sekian sehingga sekian berapa yang berkahwin dan berapa pula yang bercerai.

Saya sempat melihat satu contoh perkahwinan dan perceraian bagi tahun 2003. Nampaknya yang paling teruk ialah perkahwinan di sekitar tiga peringkat umur : (1) 40 – 44 tahun: Berkahwin seramai 30 orang, dan bercerai pula daripada jumlah 30 orang itu ialah 16 orang (ertinya lebih 50% rumahtangga runtuh), (2) 45 – 49 tahun : Berkahwin 19 orang, dan bercerai 11. (3)

---

<sup>5</sup> Berita Harian Singapura. Sabtu, 3 Julai, 2004.



50-54 tahun : Yang berkahwin ialah 10 orang sementara bercerai 7 orang. Allah, Allah, ini lagi teruk.

Tolong perhatikan, saudara! Ini ialah perkahwinan diperingkat umur paling matang, tetapi rumahtangga tidak matang. Kita belumlah perlu bercakap mengenai remaja-remaja yang baru kahwin, yang berumur dalam lingkungan 18/20 ke atas. Setahun dua atau lima enam tahun selepas berkahwin memanglah boleh jadi belum apa-apa, maklum saja cinta masih segar. Tetapi bagaimana jika umur sudah 40, 45, 50 nanti, adakah jawapannya seperti statistik yang baru saya sebutkan tadi?

Kalau ini berlaku, dimanakah kita ini sebenarnya? Apakah nasib pembangunan ummah, pembinaan insan, sekiranya beginilah keadaan?

Perceraian, saudara! Tidak syak lagi adalah melemahkan ummah, kerana batu bina bangsa dan ummah itu ialah keluarga.

Saya juga pernah jadi hakim. Saya pernah tangani kes-kes rumahtangga yang diangkat ke mahkamah. Kes-kes itu rata-rata berpunca, sama ada, dari salah seorang pasangan ataupun kedua-duanya sekali. Ada yang berupa pengabaian tanggungjawab seperti nafkah, dan ada juga kerana soal akhlak, pembawaan dan perbuatan tidak islamik, seperti suami atau isteri berkhianat ... *black market*. Sifat siapakah black market itu? Adakah ia sifat orang salih atau salihah? Tidak! Jauh panggang dari api.

Orang salih/salihah bukan begitu pembawaan mereka. Mereka adalah orang-orang yang tunduk di-

bawah peraturan dan hukum-hukum Allah. Jika dia suami, dia tidak cuai dan tidak menyelewing. Manakala jika dia isteri, apabila disuruh oleh suami, dia ta'at. Apabila suami memandangnya, suami suka. Apabila suami ghaib (tidak berada disampingnya), dia tetap memelihara dirinya, kehormatannya dan harta suami.

Ini dia sifat isteri salihah. Bukan pantang suami tidak ada, dia ambil peluang buat macam-macam fi'el.

#### **4. Cari Berkah Dalam Perkahwinan**

Inilah makanya, kita perlu pesankan kepada diri kita masing-masing: "Cari berkah dalam perkahwinan." Kalau bukan kita sendiri yang berkahwin, anak-anak kita, anak-anak saudara dan lain-lain. Disamping jodohnya ditapis, seperti arahan Nabi Shallallahu 'Alaihi Wasallam, juga jangan sekali-kali lupa mencari berkah untuk perkahwinan itu.

Jika mahu berkah, maka jauhi semua perkara yang Allah tidak senang. Luruskan agama, dan jangan lakukan apa-apa yang ditegahnya.

Ini tidak, kerana perkahwinan, kita buat macam-macam yang bertentangan dengan agama. Atas tiket perkahwinan, misalnya, kita berjudi, kita buat bising sampai larut-larut malam, bahkan sampai ke subuh.

Dan ini, tentang bising ini, sehingga pihak polis pun sudah terpaksa mengeluarkan amaran (lihat Borneo Bulletin dan Media Permata keluaran 8 Julai, 2004).

Apa ini sebenarnya? Kita cukup kluatir ia akan jadi trend. Setiap majlis perkahwinan adakah mesti ada pancaragam, mesti ada pertunjukan-pertunjukan artis, mesti ada karaoki, mesti ada bunyi-bunyi bising, walaupun mengganggu jiran tetangga, mengganggu orang-orang tua yang sakit, kanak-kanak kecil yang perlu tidor, dan mengganggu – walaupun barangkali tidak ramai – orang-orang yang sembahyang tahajjud dan membaca al-Qur'an.

Janganlah bawa api dan minyak kepada perkahwinan. Bawalah air supaya sejuk. Apa dia air itu? Amal takwa dan do'a: Do'a yang baik-baik untuk pengantin. Jangan air hanya segelas sedang minyak sebaldi. Mustahil air segelas dapat memadam kebakaran yang disebabkan oleh minyak sebaldi.

Tidak mengapa, orang nak kata saya *ortodoks*, tak apalah. Namun saya tidak berganjak – tetap tamakkan berkat. Kerana saya yakin survival rumahtangga itu dan bahkan survival ummah adalah turut ditentukan oleh adanya berkat.

Apa itu berkat? Apa ertinya? Dalam bahasa Arab berkat itu ialah “الزيادة” dan “السعادة” (lebih dan bahagia). Lebih apa? Lebih segala-galanya: Lebih baik, lebih gembira, lebih sihat, lebih sempurna, lebih rezki, lebih kekal, dan ... dan ...

Inilah yang kita mahu daripada perkahwinan itu, mendapat semua kelebihan dan kebahagiaan, bukannya sebaliknya: Tragedi dan perceraian.

## 5. Masjid Mempunyai Pasak

Kemudian beralih kepada wadah kedua, pembinaan ummah melalui institusi masjid.

Tadi sempat dirakam, ketika merasmikan Seminar ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan antara lain bertitah:

*“Rasulullahi Shallallahu ‘Alaihi Wasallam ketika mula-mula memasuki Madinah, baginda bukanlah membina rumah, tetapi membina masjid. Tidakkah ini – tambah baginda – satu isyarat betapa masjid itu membawa mesej kenegaraan dan kerajaan? Ertinya tanpa masjid, belumlah berdiri sebuah negara dan kerajaan itu.”*

Masjid mempunyai pasak-pasak (dalam bahasa Arab disebut “اوتاد”). Mempunyai penghuni-penghuni tetapnya terdiri daripada para Malaikat.

Siapakah pasak-pasak masjid itu? Mereka itulah orang yang sentiasa bersama-sama dengan para Malaikat di masjid. Siapakah mereka? Orang-orang yang sentiasa hadir ke masjid, sembahyang di masjid, membaca al-Qur’an di masjid, belajar atau mengajar di masjid, pemakmur masjid.

Pasak-pasak masjid ini, sehari sahaja tidak datang ke masjid kerana sakit umpamanya, para Malaikat akan mendatangnya (ziarah) di rumahnya sebagai penghormatan. Apakah yang terjadi?

Yang terjadi, tentulah rumah itu penuh dengan rahmat dan السكينة (ketenangan). Siapakah yang tidak ingin rumahnya dipenuhi rahmat dan ketenangan?

Jika pasak ini musafir, para Malaikat itu akan mendo'akannya semoga selamat dalam pelayaran serta diberikan perlindungan dari sebarang kejahatan. Inilah nekmata bagi semua pasak-pasak masjid, yakni pemakmur-pemakmur dan penghayat-penghayatnya.

Do'a Malaikat ini akan berterusan untuk pasak-pasak yang sembahyang di masjid, sampailah batal wudhunya, dan akan disambung semula do'a itu apabila diambilnya pula wudhu yang baru.

## 6. Kubu Orang Beriman

Masjid adalah kubu orang beriman: Kubu dari segala bentuk kejahatan, tempat memancarnya tarbiah dan nasihat paling berkesan.

Sila perhatikan riwayat ini: Dizaman Nabi Shallallahu 'Alaihi Wasallam ada seorang yang amat tebal kejahatannya: Kaki mencuri, mata keranjang dan lain-lain lagi. Tetapi dalam masa yang sama dia tidak melepaskan masjid, dia tetap bersama-sama dengan Nabi Shallallahu 'Alaihi Wasallam di masjid. Suatu ketika dia pernah mendengar Nabi Shallallahu 'Alaihi Wasallam memberikan nasihat:

والذي نفس محمد بيده، ما ترك عبد شيئا حرمه الله عليه إلا منحه الله له في الحلال.

Maksudnya: *“Demi yang jiwa Muhammad di tangannya (demi Allah), tiada meninggalkan seorang hamba sesuatu yang haram, atau suatu pekerjaan yang diharamkan oleh Allah, melainkan Allah gantikan kepadanya dengan yang halal.”*

Sebaik-baik sahaja nasihat ini didengarnya, tumbuhlah kesedaran dalam jiwanya.

Tetapi tabi'at mencuri dan tabi'at berzinanya masih juga terus menghantuinya.

Suatu hari dia keluar lebih awal untuk sembahyang subuh di masjid seperti biasa. Sebelum ke masjid, dia merancang terlebih dahulu untuk mencuri di rumah seorang janda kaya. Masuk sahaja dia ke rumah janda, didapatinya sunyi sepi kerana semua orang sedang tidur nyenyak. Di salah sebuah bilik dia mendapati ada barang-barang berharga, cukup banyak. Kiranya sekali inipun sahaja dia dapat mencurinya, sudah cukuplah untuk menjadikannya kaya raya. Lalu diapun mengumpul dan mengaut barang-barang itu untuk dibawa keluar, tetapi dengan tiba-tiba dia teringat nasihat Nabi Shallallahu 'Alaihi Wasallam yang pernah didengarnya itu, menjadikan tangannya seolah-olah kaku. Maka tak jadilah dia mencurinya.

Walau bagaimanapun, dia masih di rumah itu, dia masuk pula ke bilik lain. Kali ini dia tercegat mendapati sijanda sedang tidur seorang diri. Ibarat daging panggang sedang terhidang di hadapan kucing yang sedang lapar. Mahu diapa-akannya sijanda itu, tetapi segera dia teringat lagi nasihat Rasulullahi

Shallallahu ‘Alaihi Wasallam, lalu diapun undur ... keluar ... dan bergegas ke masjid.

Selepas sembahyang, seperti biasa jema’ah mengikuti nasihat-nasihat Nabi Shallallahu ‘Alaihi Wasallam. Dengan tiba-tiba, masuklah seorang perempuan mengadukan tentang seorang pencuri luar biasa, yang dipanggilnya: Pencuri mulia yang baik hati. Mengapa begitu? Betapa tidak, barang-barang berharganya ternyata sudahpun jatuh ke tangan pencuri itu tetapi satupun tidak diambil, tetapi ditinggalkan begitu sahaja.

Mendengar ini Nabi Shallallahu ‘Alaihi Wasallam berdo’a:

اللهم إن كان حاضرا معنا فاهدنا إينا ولا تخجله منا.

*“Ya Allah, kiranya orang yang diceritakan oleh perempuan ini ada bersama-sama dengan kami pada masa ini, maka mohon Engkau tunjukkanlah dia kepada kami, dan dipihaknya pula, janganlah Engkau jadikan dia takut-takut terhadap kami.”*

Berkata lelaki:

قد استجاب الله دعوتك يا رسول الله فما أناذا مائل بين يديك،  
فمرني ماتشاء .

*“Allah telah memperkenankan do’a Tuan, wahai Rasulullah! Sayalah orangnya yang dimaksudkan oleh perempuan ini. Maka perintahkanlah saya apa-apa yang Tuan suka.”*

Bersabda Nabi: “يا هذا ألك زوجة؟” (*Wahai pemuda, adakah engkau mempunyai isteri?*)

Menjawab lelaki: “Tidak! Isteri saya telah meninggal beberapa bulan lalu.”

Nabi bertanya pula kepada perempuan : “ألك زوج؟” (engkau pula ada suami?).

Menjawab perempuan: “Tidak! Suami saya telah meninggal sejak dua tahun lalu. Cuma saya ada beberapa orang anak yatim yang mesti saya pelihara dan berikan pendidikan.”

Setelah ditanya oleh Nabi Shallallahu ‘Alaihi Wasallam, adakah mereka bersedia jika dikahwinkan? Mereka bersedia. Merekapun diakadnikahkan.

Maha benar perkataan Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam: Orang yang menjaga dirinya dari yang haram akan mendapat ganjaran yang halal.

Disamping itu jangan juga lupa: Berkat komited dengan masjid. Berkat tersangkut dengan masjid ... maka, demikian itulah natijahnya: Jiwa yang gelap akan jadi bersinar dan hati liar akan jadi tunduk serta jinak.

Ini dia pemuda masjid yang kita mahu. Ini dia lelaki, ini dia pembina ummah, kita perlukan mereka, kita berhajat pada mereka. Kerana kita bukan sahaja membina kilang, tetapi lebih utama membina jiwa.



Sayyidina ‘Umar radhiallahu ‘anhu pernah berkata kepada rakan-rakannya dikalangan sahabat:

ليتمن كل منكم مايشاء

*“Tiap-tiap kamu cuba sebutkan apa sahaja yang kamu ada bercita-cita.”*

Berkata seorang diantara mereka: *“Saya bercita-cita, wahai ‘Umar! Kiranyalah Allah mengurniakan saya emas seumpama Gunung Uhud, supaya dapatlah saya membelanjakannya di jalan Allah.”*

Berkata pula orang kedua: *“Saya pula wahai ‘Umar! Bercita-cita kiranya Madinah ini penuh dengan kuda-kuda milik saya, supaya kelak dapatlah saya berjihad dengannya di jalan Allah.”*

Berkata pula orang ketiga: *“Saya pula, wahai ‘Umar! Bercita-cita untuk memiliki seribu orang hamba sahaya, supaya kelak dapat saya membebaskan mereka semuanya demi mengharapkan redha Allah.”<sup>6</sup>*

Kemudian giliran rakan-rakan ini pula ingin mendengar dari Sayyidina ‘Umar, apa pula cita-citanya:

فماذا تتمنى أنت يا عمر؟

*“Apa pula cita-cita Tuan sendiri wahai ‘Umar?”*

---

<sup>6</sup> Pahala membebaskan hamba bukan alang kepalang di sisi Allah. Sila rujuk hadis-hadis mengenainya.

Maka berkata Amir al-Mukminin, Sayyidina ‘Umar :

أما أنا فأتمنى ملء هذا المسجد رجالا أمثال أبي بكر الصديق

*“Adapun saya, saya bercita-cita kiranya masjid kita ini penuh dengan orang-orang lelaki seperti Abu Bakar ash-Shiddeeq”.*

Lihatlah, ‘Umar tidak berkata; *“Kamu batalkan cita-cita kamu itu, semuanya tidak bernilai”*, tidak! Sayyidina ‘Umar tidak cakap begitu. Dia tidak *overrule* cita-cita orang lain, lebih-lebih lagi cita-cita tiga rakan ini adalah baik-baik belaka, bagus-bagus belaka, disandarkan kepada Allah (untuk kepentingan ugama Allah). Tetapi – pada ketika itu – Sayyidina ‘Umar masih sahaja melihat terhadap kepentingan mekanisme itu adalah masih diatas segala-galanya.

Mekanisme apa, dan siapa? Mekanisme membina Ummah, mekanisme memelihara ummah, mekanisme membela ugama Allah, oleh siapa...? Ya, oleh personaliti-personaliti seperti Sayyidina Abu Bakar ash-Sheddeeq radhiallahu ‘anhu. Inilah yang lebih penting, lebih mustahak, bukannya emas sebesar Gunung Uhud, atau banyaknya binatang-binatang tunggangan, sehingga memenuhi Kota Madinah, atau seribu hamba sahaya, bukan! Yang lebih penting, jika mungkin, kita mesti ada seratus, atau seribu, atau seratus ribu, atau sejuta, atau satu billion personaliti-personaliti seperti Sayyidina Abu Bakar ash-Shideeq radhiallahu ‘anh untuk memenuhi masjid-masjid kita.

Jika Sayyidina ‘Umar bercita-cita yang demikian itu, mengapa kita tidak?

Ertinya boleh difahami disini dari cita-cita Sayyidina ‘Umar itu, masjid-masjid hendaklah diisi serta mempunyai pasak-pasaknya (yang terdiri daripada para jema’ah sendiri, pegawai, imam dan lainnya), personaliti-personaliti terbaik, seperti juga personaliti Abu Bakar ash-Shiddeeq, sesuai dengan sifatnya (masjid itu) selaku *wadah pembina ummah*.

## 7. Personaliti Besar Berjuang Dengan Sembahyang

Bercakap mengenai personaliti ini, tergambar kita watak-watak yang pernah dikaitkan dengan sejarah al-Masjid al-Aqsa, masjid yang menjadi rebutan sepanjang sejarah. Antaranya ialah watak Shalahuddin al-Ayyubi, seorang pejuang, pemimpin dan ulama. Pernah enam buah negara Eropah bersatu menakluki Bait al-Maqdis. Pada tahun 492 hijrah, tentera-tentera negara-negara ini memasuki Syam dalam tindakan menakluki Bait al-Maqdis. Mereka kekal didalamnya selama hampir 100 tahun. Kemudian pada tahun 593 hijrah, Allah telah bangkitkan seorang pemimpin yang salih, Shalahuddin al-Ayyubi. Beliau ini melawan musuh-musuhnya dengan apa? Disamping dengan senjata, juga dengan sembahyang malam. Apabila kemenangan lambat datang, beliau mengajak askar-askarnya :

قوموا لصلاة الليل قبيل الفجر

*“Bangunlah kamu untuk melakukan sembahyang malam sebelum fajar.”*

Personaliti ini telah berjuang membebaskan Bait al-Maqdis, al-Masjid al-Aqsa, dengan sembahyang malam.

Bagaimana ini berjuang dengan sembahyang?

Abu al-Hakam (Abu Jahal) telah bersumpah dihadapan orang-orangnya akan memijak-mijak kepala Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam sekiranya dia nampak Nabi melakukan sembahyang. Pada suatu hari Baginda Shallallahu 'Alaihi Wasallam sembahyang, dan Abu Jahal ada menyaksikannya. Tetapi kelihatan Abu Jahal tidakpun berbuat apa-apa sehinggalah Nabi Shallallahu 'Alaihi Wassalam selesai sembahyang.

Orang-orang Musyrikin, rakan-rakan Abu Jahal mendatangi Abu Jahal, menempelak mengapakah dia tidak memijak-mijak kepada Nabi Shallallahu 'Alaihi Wasallam, padahal dia telahpun bersumpah untuk melakukannya?

Abu Jahal berkata kepada mereka: *"Demi tuhan Lata dan Uzza, aku sebenarnya sudah mahu melakukannya (memijak kepada Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam), tetapi tiba-tiba diantaraku dan Muhammad terdapat parit besar daripada api, dan sayap-sayap yang menutupi bumi yang sungguh mengerikan sekali. Sekiranya aku maju juga mendapatkan kepala Muhammad, nescaya aku akan jatuh ke dalam parit itu dan ditutup oleh sayap-sayap raksasa."* Sayap-sayap apakah ini? Tidak syak lagi adalah sayap-sayap Malaikat tentera Allah Ta'ala.

Semua ini saudara, membawa gambaran jelas, bahawa kita jika lemah, sembahyang! Nanti kita akan jadi kuat. Jika susah, sembahyang! Nanti akan jadi senang. Jika sempit, sembahyang! Nanti akan jadi luas. Jika mahu pertolongan, sembahyang! Nanti akan dapat pertolongan. Pendidiknya, sesiapa juga yang berkehendakkan pemeliharaan Allah daripada musuh-musuh Allah, maka hendaklah ia sembahyang. Dan sunnah atau ajaran inilah yang diikuti dan dibuat oleh panglima dan ulama terbilang, Shalahuddin al-Ayyubi, ketika membebaskan Bait al-Maqdis.

Dari sejarah ini, dimana kita?

Dan satu lagi watak Shalahuddin, pembebas al-Masjid al-Aqsa, dia tidak pernah memiliki rumah. Apabila ditanya: "*Wahai Panglima, mengapakah Tuan tidak terlintas untuk membina rumah?*" Dia menjawab: "*Apakah yang akan saya buat dengan rumah, sedangkan saya sentiasa menunggu syahid pagi dan petang? Memadailah bagi saya khemah dan belakang kuda untuk saya berteduh dan duduk-duduk.*"

Suatu hari dia sedang beristirahat bersama-sama dengan para pemimpin tentera yang lain. Mereka ini sedang berseluruh, bergurau-senda dan ketawa, tetapi tidak dengan Panglima Shalahuddin. Jangantah hendak ketawa, senyumpun tidak pernah terukir dibibirnya. Melihat ini para pemimpin tentera itu sampai terdorong bertanya:

لم لا تبسم أيها القائد؟

"*Mengapakah Tuan tidak tersenyum, wahai Panglima?*"

Menjawab Shalahuddin:

أستحي من الله أن أبتسم والمسجد الأقصى في أيدي الصليبيين.

*“Saya malu dengan Allah untuk senyum, sedangkan Masjid al-Aqsa masih di tangan orang-orang Shalibiyyin (Keristian).”*

Dari sejarah ini, sekali lagi, dimana kita?

Kerana masjid Shalahuddin tidak mampu untuk tersenyum disebabkan masjid di tangan orang lain, tetapi pada hari ini orang-orang Islam dimana-mana sahaja, bukan lagi setakat senyum dan ketawa, malah melompat-lompat, menari-nari dan menyanyi-nyanyi tiada keruan, padahal al-Masjid al-Aqsa sudah balik semula ke tangan orang lain, setelah 90 tahun lamanya Shalahuddin bertungkus-lumus membebaskannya.

Dimana komitmen kita dengan masjid sekarang? Dimana sembahyang malam seperti yang dibuat oleh Shalahuddin al-Ayyubi untuk membebaskan al-Masjid al-Aqsa? Dimana sembahyang malam, yang kita sendiri pernah buat untuk melepaskan kesusahan-kesusahan kita dan kesusahan-kesusahan umat Islam diseluruh dunia? Dimana.

Kita sembahyang hajat di masjid, terlama sedikit menghentikannya – dua tiga bulan – orang sudah bersungut. Di mana kita ini? Jika kerana hiburan, pesta-pesta dan melepak, tidak mengapa, berapa lamapun. Apa ini? Di mana kewarasan ummah? Jika

melepak itu dimaksudkan sebagai menghabiskan masa begitu sahaja, mengapa tidak melepak di masjid sahaja? Duduklah di masjid berapa lamapun, dan pasang niat iktiqaf, dan baca apa-apa zikir ikut suka, baca istighfarkah (أستغفر الله) sampai beratus kali. Berhasil. Jangan kata ini tidak berhasil, berhasil!

Allah berfirman dalam sebuah hadis qudsi :

إني لأهم بأهل الأرض عذابا فإذا نظرت إلى عمار المساجد  
والمستغفرين بالأسحار صرفت العذاب عنهم.

*“Sesungguhnya Aku memang berhajat untuk menimpakan azab ke atas penduduk bumi, (tetapi) tiba-tiba Aku terpandang kepada penghayat-penghayat masjid dan orang-orang yang memohonkan keampunan (beristighfar), Akupun menyelihkan azab itu daripada mereka.”*

Betapa hebat kelebihan masjid dan istighfar itu disini. Dengan kehadiran di dalamnya, adalah memadai untuk menyelamatkan bumi daripada hukuman Allah. Siapakah penghayat-penghayat masjid? Tentu sahaja hamba-hambanya yang salih. Inilah pula harga warga salih itu, secara langsung dan tidak langsung ia menjadi penyelamat kepada ummah dan bumi Allah ini.

## 8. Personaliti-Personaliti Salih

Inilah wadah masjid yang sebenar, untuk melahirkan personaliti-personaliti salih itu. Jika semua orang terikat dengan masjid, bermakna semualah akan

jadi orang salih: Rakyat salih, penduduk salih. Dari buruh, petani, peladang, nelayan, semuanya salih. Guru salih, murid salih, doktor salih, jurutera salih, saintis salih, hakim salih, arkitek salih, pengarah salih, Setiausaha Tetap salih, Timbalan Setiausaha Tetap salih, Timbalan Menteri salih, Menteri salih, Raja salih. Semua ini akan melimpah keluar daripada masjid dengan peranan masing-masing membina ummah. Dan jika sudah begitulah keadaan, maka dimanakah lagi cacatnya pembangunan? Sudah tentu tidak ada.

Inilah yang dirujuk oleh Saiyyidina ‘Umar Radhiallahu ‘anh, bahawa beliau itu mahu dan bercita-cita, kalau boleh, semua masjid-masjid orang Islam diseluruh dunia ini dipenuhi dengan orang-orang seperti Abu Bakar as-Shiddeeq Radhiallahu ‘anh, seorang lelaki, pemimpin dan ketua yang memiliki ciri-ciri *kesalihan* yang sempurna.

Berkata seorang lelaki kepada Imam Malik bin Dinar: “*Wahai Imam, tolong tunjukkan saya satu amalan jika saya mengamalkannya Allah akan mengampunkan dosa saya.*”

Berkata Imam Malik:

يا عبد الله ... عليك بحب الصالحين ... عليك بحب الصالحين ... لعل  
الله يطلع على قلب واحد منهم فيجد اسمك مكتوبا فيه فيغفر  
لك.

“*Wahai hamba Allah, hendaklah engkau mencintai orang-orang salih, hendaklah engkau mencintai orang-orang salih, semoga Allah akan mendapati dihati seorang dari mereka itu ada tertulis*



*padanya namamu, maka nescaya engkau diampunkan.”*

Ertinya, kerana cinta kita kepada orang salih, maka orang salih itupun mencintai kita pula (dengan sendirinya kita sudah ada dihatinya). Inilah makna nama kita tertulis pada hati orang salih itu.

Jika semua jadi orang salih, ertinya kita semua ini sama-samalah duduk-menduduki hati masing-masing. Ertinya sama-samalah pula mendapat rahmat keampunan daripada Allah.

Betapa unggul dan bertuahnya ummah yang demikian itu.

## 9. **Kesimpulan**

1. Pembinaan ummah adalah melalui dua institusi: keluarga dan masjid.
2. Asas kukuh kekeluargaan ialah isteri salihah bagi suami yang salih.
3. Mencari berkat dari perkahwinan adalah tanggungjawab semua. Survival rumahtangga dan ummah turut ditentukan oleh adanya berkat.
4. Masjid mempunyai pasak-pasak dan penghuni-penghuni tetapnya.
5. Pasak-pasak masjid dicintai oleh para Malaikat.

6. Masjid adalah kubu orang beriman, tempat memancarkan tarbiah dan nasihat yang paling berkesan.
7. Masjid adalah wadah untuk melahirkan personaliti-personaliti salih. Jika semua ummah berpangkat salih, pembangunan tidak akan ada lagi cacatnya.
8. Untuk pembinaan ummah memerlukan personaliti-personaliti besar seperti sahabat Sayyidina Abu Bakar as-Shiddeeq dan lain-lain.
9. Ambillah contoh dari personaliti besar yang berjuang dengan sembahyang.

*Jabatan Mufti Kerajaan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Darulifta Brunei Darussalam,  
Jalan Pengiran Babu Raja,  
Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam.*

*01hb. Jamadilakhir, 1425.  
19hb. Julai, 2004.*